

ABSTRAK.

WAN FAIZAH BINTI WAN YUSOFF, Pengaruh anasir masyarakat terhadap politik Sepanyol dari zaman pembukaan Islam Sepanyol sehingga akhir zaman bergabenor (708-755M)

Disertasi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Kajian disertasi ini adalah bertujuan untuk meninjau pengaruh anasir masyarakat terhadap politik Sepanyol dari zaman pembukaan Islam Sepanyol sehingga akhir zaman bergabenor (708-755M). Kajian mengenai anasir masyarakat pada zaman yang dibincangkan adalah penting bukan hanya dalam konteks kajian sosial tetapi juga politik di Sepanyol khususnya pada zaman bergabenor dan zaman-zaman selepasnya amnya.

Kemasukan pelbagai anasir masyarakat ke Sepanyol selepas pembukaan Islam Sepanyol bukan hanya merubah struktur sosial Sepanyol tetapi juga struktur politik dan pemerintahannya. Kajian ini cuba merumuskan aspek sosial dalam konteks pergolakan politik di Andalus. Walaupun kajian ini hanya memberikan penekanan kepada tempoh masa yang singkat iaitu tidak sampai 50 tahun tetapi perbincangan ini pada hakikatnya tidak tamat pada zaman tersebut sahaja. Konflik yang dicituskan

oleh pelbagai anasir masyarakat di Sepanyol dalam tempoh masa tersebut begitu menarik untuk dikaji terutamanya dari aspek pengagihan dan perebutan harta, pangkat dan kedudukan yang bukan hanya menjadi permasalahan yang menggugat kestabilan politik Sepanyol pada zaman bergabenor tetapi juga zaman-zaman lain selepasnya sehinggalah akhirnya ia menyumbang kepada kejatuhan Sepanyol.

Adalah diharapkan kajian yang dibuat bukan hanya memberikan kepuasan peribadi kepada penulis tetapi juga membuka mata semua pihak dalam memahami permasalahan yang dicetuskan oleh pelbagai anasir masyarakat di Sepanyol khasnya dan Malaysia amnya bagi diambil iktibar untuk kepentingan semua. Wallahua'lam.

ABSTRACT

WAN FAIZAH BINTI WAN YUSOFF, The impact of social elements on the politics of Spain from the establishment of Islam in Spain until the end of governorship period (708-755M)

Disertation, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

The study aim to focus on the impact of social elements on the politics of Spain from the establishment of Islam in Spain until the end of governorship period (708-755M). The study on the social elements during the time discussed is important not only to understand the social context of Spain but also its political structure primarily in the time discussed and later periods generally.

The entrance of different social elements to Spain after the establishment of Islamic rule in Spain not only changed the social structure of Spain but also its political and administrative aspect. This study will try to explain the connection between the social conflicts and the political stability of Spain. Although the study focuses on a brief period of time which is less than 50 years but the discussion in fact does not end in the period. The conflicts triggered by the social elements of Spain are indeed very interesting to study especially in the aspect of distribution and fight for wealth, positions and also status. The problems created leads to the political instability of

Spain not only in the governorship period but also the periods after until the end of Islamic rule in Spain.

It is hoped that the study not only gave personal satisfaction but also form as an eye opener to those concerned especially in the effort to understand the problems caused by different social elements in Spain especially and Malaysia generally.